

27 SEP 2001

Lim-Bersara

HASRAT KENG YAIK LETAK JAWATAN MENTERI DITOLAK PARTI

KUALA LUMPUR, 27 Sept (Bernama) -- Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik hari ini berkata jawatankuasa pusat parti menolak hasratnya untuk meletak jawatan sebagai Menteri Perusahaan Utama bagi memberi tumpuan kepada urusan parti.

"Saya secara peribadi memikirkan bahawa inilah masanya untuk membiarkan pemimpin barisan kedua mengambil alih kerana Gerakan berada dalam keadaan yang sangat stabil," katanya pada sidang media di sini.

Dr Lim berkata Jawatankuasa Pusat Gerakan meminta beliau terus memegang jawatannya dalam kerajaan untuk tempoh beberapa lama lagi kerana pengalaman dan kedudukannya yang kanan mampu membantu negara menangani masalah-masalah semasa dalam negara.

Pada Persidangan Perwakilan Kebangsaan Ke-29 Gerakan di Pulau Pinang tahun lepas, Dr Lim pernah berkata bahawa beliau sedang menimbang secara serius untuk bersara sebagai menteri dan menumpukan kepada parti Gerakan.

Bagaimanapun, ketika itu beliau mahu membincangkan hasratnya itu terlebih dahulu dengan jawatankuasa pusat parti sebelum menetapkan masa untuk meninggalkan jawatan dalam kerajaan.

Dr Lim dipilih untuk memimpin Gerakan pada 1980 setelah menyertai parti itu pada 1973. Di dalam kerajaan pula, beliau menjawat jawatan menteri sejak 1986.

Beliau berkata Gerakan telah menyediakan barisan kepimpinannya sejak 10 tahun lepas dengan Timbalan Presiden Datuk Kerk Choo Ting memegang jawatan itu melebihi 13 tahun dan Naib Presiden, Tan Sri Koh Tsu Koon turut berada dalam barisan kepimpinan tertinggi sejak lebih 10 tahun lepas.

Sebagai pendedahan dan mempersiapkan kedua-dua pemimpin itu untuk memegang tanggungjawab sebagai pemimpin tertinggi Gerakan pada masa depan, Dr Lim memberi peluang kepada Kerk dan Koh merasmikan persidangan-persidangan perwakilan negeri tahun ini.

"Selain Perak dan Pulau Pinang, saya biarkan mereka merasmikan persidangan di negeri-negeri lain juga untuk memberi pendedahan dan mempersiapkan mereka," katanya.

Beliau berkata, masanya untuk meletak jawatan itu akan tiba juga tetapi bukan dalam tempoh yang terdekat ini.

Mengenai Persidangan Perwakilan Kebangsaan Ke-30 pada Sabtu dan Ahad ini, beliau berkata bahawa perkara utama yang akan dibincangkan ialah usaha menguatkan lagi hubungan antara parti-parti komponen Barisan Nasional.

Katanya, isu ekonomi pula akan menyentuh masalah ekonomi dunia berikutan kemelesetan ekonomi Amerika Syarikat yang turut menjejaskan pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Perwakilan juga akan membincangkan langkah-langkah untuk mengekalkan keamanan negara yang telah wujud sekian lama melalui pemerintahan BN.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selaku Pengerusi BN, akan merasmikan persidangan itu Sabtu ini.

Seramai 1,600 anggota perwakilan akan menghadiri persidangan itu bertemakan "Bangsa Malaysia Generasi Wawasan."

-- BERNAMA

RZS MFJ NMO